

02 APR 2002

Umno-Kelantan

DR MAHATHIR DIMINTA BERTEGAS ATASI MASALAH UMNO KELANTAN

PASIR PUTEH, 2 April (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diminta menggunakan pendekatan baru yang drastik untuk mengatasi masalah dalaman Umno Kelantan kerana dibimbangi boleh menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) untuk merampas Kelantan daripada PAS.

Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh Kamaruddin Mohd Nor berkata masalah dalaman parti yang berpunca daripada sikap negatif sesetengah pemimpin tertentu yang lebih mengutamakan kepentingan peribadi, perlu diatasi segera kerana bimbang ia akan menular lebih luas hingga sukar diatasi pada masa depan.

"Mereka (anggota dan pemimpin Umno Kelantan bermasalah) perlu diubahi dan sekiranya sukar, anggota yang diserang penyakit itu mesti dipotong," katanya ketika dihubungi di kediamannya di Kuala Lumpur hari ini.

Kamaruddin berkata demikian bagi mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa peluang BN memerintah Kelantan terjejas berikutan sikap negatif sesetengah anggota dan pemimpin Umno yang lebih mengutamakan kepentingan peribadi hingga berlaku perebutan sesama sendiri.

Dr Mahathir yang menyifatkan golongan itu sebagai "hantu" berkata Umno Kelantan perlu mengatasi masalah itu dahulu bagi mendapat sokongan padu daripada masyarakat negeri itu.

Mengenai laporan ada pihak dalam Umno yang mahu menggulingkan Datuk Mustapa Mohamed sebagai Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Kamaruddin berkata Umno bahagiannya patuh kepada arahan pucuk pimpinan parti termasuk kepimpinan Mustapa.

Katanya pelantikan Mustapa tidak sewajarnya dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana jawatan itu dibuat oleh Presiden parti.

"Kita sepatutnya menghormati dan akur dengan pelantikan itu," katanya.

Kamaruddin mengambil alih semula jawatan sebagai ketua Umno bahagian itu bulan lepas selepas pucuk pimpinan Umno membebaskannya daripada penggantungan atas tuduhan salah laku.

Beliau juga mengakui tidak tahu menahu berhubung laporan wujudnya Kumpulan 12 iaitu merujuk kepada 12 daripada 14 Ketua Bahagian yang didakwa ingin menggantikan kepimpinan Mustapa dengan orang lain.

"Setakat yang saya tahu tidak ada sebarang komplot untuk menjatuhkan Mustapa. Lagipun Mustapa dilantik oleh Presiden dan ia tidak boleh digulingkan," katanya

-- BERNAMA

WM RAR LAT